



colloquium
isme
Empowering Local Mind in Art Design
& Cultural Heritage
2016

Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

proceeding book

27 & 28
December
2016

Universiti
Teknologi MARA,
Melaka, Malaysia.

In collaboration with:





Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016
Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shaharudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shaharin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Illustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: <i>Pakai Semutar Kain Lepas.</i>	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of <i>Batik Jarum</i> Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof ¹ Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Miski</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis , Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri , Nurkhazilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah</i>	
51	Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli</i>	
52	Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yussof, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	The Status Quo of Malaysian Printmaking	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	

Aturan Pertiga (Rule of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan

Shahariah Mohamed Roshdi^{1*}, Hisammudin Ahmad², Mohd Haniff b. Mohd Khalid³, Dr. Abd. Rasid Ismail⁴,

Fazlina Mohd Radzi^e, Nur Hasliza Abdulah^f, Nurul Izza Ab. Aziz^g

¹⁻⁴ Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA, Melaka

*pengarang: shahariahroshdi@melaka.uitm.edu.my

Abstract —Di dalam konteks seni rupa pelbagai teknik komposisi diterapkan melalui pemahaman berkarya yang idealistik. Aturan pertiga atau pun lebih dikenali sebagai *rule of thirds* bukanlah suatu peraturan mutlak bagi seniman untuk menyusun elemen komposisi. Manakala aturan komposisi yang sejajar sering dipraktis di dalam bidang fotografi. Di UiTM Melaka pengajaran dan pembelajaran bagi kelas – kelas fotografi telah didedahkan dengan amalan menggunakan teknik komposisi iaitu aturan pertiga. Pengetahuan menyusun komposisi dengan baik memerlukan asas teknik komposisi yang mudah untuk difahami dan menjadi kebiasaan dalam berkarya. Bagi pelajar – pelajar di dalam Program Seni Halus, seharusnya mendapat slot khas dengan memperkenalkan dan mendalami teknik aturan pertiga. Oleh itu untuk mengetahui pendekatan komposisi ini bersesuaian atau tidak, suatu kajian telah diaplikasi terhadap pelajar. Hasil karya pelajar dijadikan sampel kajian dengan menggunakan instrumen soal selidik dan diaplikasikan teknik aturan pertiga sebagaimana kajian-kajian yang sama digunakan terhadap karya – karya seni agung. Pendekatan ini diuji dan dilaksana dengan menggunakan data sebenar melalui persempelan karya pelajar di UiTM Melaka. Implikasi kajian ini menunjukkan teknik aturan pertiga boleh digunakan bagi membantu para pelajar mencipta ruang komposisi yang baik, mudah dan kreatif.

Author Keywords: *Rule Of Thirds, Aturan Pertiga, Komposisi, Pengajaran Dan Pembelajaran, Karya Seni Catan.*

1. PENGENALAN

Artis visual yang berkerja dalam bidang seni rupa terdiri daripada pelukis, jurugambar, pereka grafik dan ramai lagi. Artis visual ini sentiasa bermain – main dengan pelbagai kaedah untuk menentukan pemilihan komposisi terbaik di dalam membingkai gambaran idea penciptaan karya yang membawa karektor nilai estetik. Cabaran dalam mencapai komposisi yang baik sering melibatkan seniman agar mempunyai kesedaran secara visual dalam mengutarakan ruang komposisi yang memberi impak. Pengetahuan komposisi ini telah diperkenalkan di peringkat pengajian seni di merata institusi – institusi seni lukis dan seni reka di dalam dan luar negara.

Di UiTM Melaka pengajaran dan pembelajaran bagi kelas – kelas fotografi lazimnya telah didedahkan dengan amalan menggunakan teknik aturan pertiga atau *rule of thirds*. Bagi pelajar – pelajar di Jabatan Seni Halus, khasnya di dalam bidang seni catan perlu diperkenalkan pengetahuan khas dengan mendalami teknik aturan pertiga. Melalui aktiviti mengaplikasikan pengetahuan aturan pertiga ke dalam catan akan merangsang minat dan idea pelajar. Teknik komposisi ini bukan sahaja dikaitkan di dalam pengajaran dan pembelajaran secara objektif ianya turut dapat dibina melalui pengajaran secara konstruktif. Menyusun komposisi dengan baik merupakan asas teknik komposisi yang mudah untuk difahami dan menjadi rutin dalam berkarya. Penglibatan aturan pertiga di dalam menghasilkan karya seni catan menggalakkan pelajar menerapkannya kerana ianya adalah asas pengetahuan komposisi yang mudah untuk difahami dalam menjana idea yang baik. Pengetahuan ini dapat membantu pelajar terutamanya segelintir pelajar yang lemah dalam memahami teknik komposisi ketika proses penghasilan karya seni catan.

Di dalam bidang fotografi aturan pertiga atau *rule of thirds* lebih kepada panduan umum untuk membantu seseorang jurugambar bagi merancang sebuah komposisi sebelum beliau menekan butang *shutter* pada kamera. *Rule of thirds* bukanlah ilmu mutlak yang menjanjikan karya yang sempurna, ianya hanya digunakan untuk memperbaiki komposisi secara asas. Aturan pertiga menyebabkan sesebuah karya lebih seimbang, kelihatan tersusun dan harmoni. Melalui kaedah ini dapat memudahkan pemerhati untuk menghayati sesebuah karya. Aturan pertiga adalah petunjuk untuk menentukan kedudukan objek di sepertiga bahagian dalam karya agar tampak lebih indah untuk dilihat. Teknik ini juga termasuk dalam menentukan kedudukan objek ke dalam sebuah bingkai, dengan posisi yang tepat berdasarkan dengan acuan aturan pertiga tersebut. Aturan ini lebih tepat disebut sebagai panduan, ini oleh kerana menentukan pemilihan kedudukan objek di pertiga bahagian di dalam karya akan menjadi tatapan pemerhati.

Terdapat beberapa contoh komposisi dalam catan yang sering digunakan antaranya adalah seperti teknik ruang komposisi *golden section*, *golden triangle*, 'L' shape, 'Z' atau 'S' curve, *strong diagonal*, dan *the large oval in the centre of the piece*. Aturan pertiga yang populer dikalangan jurugambar turut memberi kesan yang positif dalam menghasilkan karya fotografi.

Pada tahun 1797, John Thomas Smith menyatakan bahwa penggunaan aturan pertiga atau *rule of third* dapat menghasilkan sesebuah kadar banding yang lebih harmoni, khasnya di dalam penghasilan karya yang bertemakan permandangan luar bandar berbanding dengan teknik yang lain. Sejak itu, aturan pertiga sering dianggap sebagai asas yang penting terutamanya di dalam ruang komposisi dan imej yang estetik. Walaupun terdapat pelbagai pandangan tentang aturan pertiga kebanyakannya menyatakan bahawa untuk menghasilkan karya foto ataupun catan, objek atau fokus utama hendaklah diletakkan selari di salah satu garisan maya yang membahagikan karya itu kepada sembilan kotak yang sama saiznya.

1.1 *Tujuan Kajian*

Kajian ini dilakukan untuk meninjau tahap kebolehan responden mengaplikasikan teknik aturan pertiga melalui pendekatan pengamatan karya seni catan.

a.2 *Objektif kajian:*

- I. Untuk mengetahui tahap kebolehan teknik aturan pertiga bersesuaian diaplikasi ke dalam karya catan pelajar.
- II. Untuk mengetahui tahap kebolehan teknik aturan pertiga bersesuaian diaplikasi sebagai modul tambahan di dalam pengajaran dan pembelajaran

a.3 *Persoalan Kajian:*

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira persoalan berikut:

- I. Adakah aturan pertiga dapat membantu pelajar menghasilkan teknik komposisi dalam karya catan.
- II. Adakah aturan pertiga sesuai dijadikan modul tambahan di dalam pengajaran dan pembelajaran.

a.4 *Limitasi Kajian:*

Kajian ini lebih memfokuskan kepada tahap pengetahuan dan pemahaman responden dalam mengaplikasi aturan pertiga melalui

pendekatan pengamatan terhadap sampel-sampel karya seni agung dan karya seni pelajar. Oleh itu kajian ini tertakluk kepada limitasi berikut:

- I. Bilangan responden seramai seratus orang pelajar.
- II. Bahan pengamatan yang terdiri daripada sepuluh buah sampel karya seni pelajar di Jabatan Seni Halus di UiTM Melaka adalah mengikut sesi pengajian dan tiga buah sampel karya seniman agung antarabangsa.
- III. Bahan pengamatan yang dijalankan adalah terikat dengan sesi pengajian mengikut semester. Bahan pengamatan adalah berdasarkan daripada laporan penilaian karya akhir pelajar pada setiap semester. Berikut merupakan sampel karya akhir pelajar bagi tahun 2014/2015.



Figura 1 : Nur Amni bte Abdul Aziz. *Fragile*.



Figura 3 : Nur Amni bte Abdul Aziz.
Safety II




Figura 2 : Nadzrin Haziq bin Mohd Nazir. *Kuching*

1. KOMPOSISI DALAM KARYA SENI CATAN

Menurut pengkritik seni dan pakar – pakar bidang fotografi, penggunaan aturan pertiga ialah salah satu aturan komposisi yang sangat penting di dalam bidang catan dan fotografi. (Gooch *et al.*, 2001; Mai *et al.*, 2011; Meech, 2004; Peterson, 2011).

Karya seni catan merupakan seni rupa yang mengaitkan unsur penting dalam pembinaan komposisi yang kreatif. Unsur-unsur seni rupa itu dibezakan melalui unsur fisik (visual) iaitu unsur yang dapat difahami secara visual seperti garisan, bentuk, tekstura, tona dan warna. Unsur kedua ialah unsur dalam aspek psikologi iaitu unsur yang tidak dapat difahami secara visual, tetapi hanya dapat dirasai contohnya seperti emosi, pemikiran, pandangan, gagasan idea dan karakter.

Komposisi dalam seni rupa ialah suatu pencapaian untuk mengatur atau menyusun unsur-unsur sehingga menjadi harmoni atau dalam erti kata lainnya menjadi serasi, selaras dan seimbang. Untuk membina atau merancang sebuah karya seni agar di komposisi dengan baik. maka seniman haruslah memahami dan menguasai prinsip dan unsur komposisi. Di antara prinsip komposisi ialah kesatuan, keseimbangan, harmoni, kadar banding, irama dan peringkat kecerahan cahaya. Manakala unsur komposisi ialah garisan, bidang, bentuk, ruang, tekstura, warna, dan tona. Komposisi pada dasarnya ialah proses bagaimana mengatur dan mengorganisasikan unsur-unsur rupa agar karya seni yang dicipta menjadi lebih berkualiti. Komposisi ialah susunan unsur-unsur yang dapat menggambarkan kesan kesatuan, irama, dan keseimbangan dalam suatu karya sehingga karya itu kelihatan lengkap, jelas, dan memikat pemerhati.

Tampakan komposisi akan kelihatan hambar apabila unsur dan prinsipnya tidak dipraktik dengan baik. Penyusunan komposisi dengan elemen yang tidak menentu akan memberi kesan makna visual dan idea yang kurang jelas. Begitu juga dengan fokus perhatian pada keseluruhan karya. Komposisi akan menjadi lebih idealistik apabila bervariasi dan mempunyai keseimbangan yang dinamik, sehingga ianya kelihatan tidak membosankan. Komposisi yang demikian akan kelihatan lebih hidup. Bagi mencapai kesatuan dalam sesebuah komposisi setiap unsur dan prinsip komposisi haruslah dirancang dengan teliti. Komposisi yg baik perlu ada titik perhatian. Aturan pertiga adalah membantu dengan mudah dalam meletakkan titik perhatian di dalam karya.

Pada abad pertama Vitruvius telah menulis di dalam bukunya yang bertajuk “De architectura” mengenai tempat yang terbaik untuk meletakkan subjek utama dalam catan adalah di *golden section* atau *golden point*. Di antara persimpangan tiga per dua di atas sebuah catan. Apabila fokus utama ditempatkan di atas *golden section* atau *golden point* ianya akan nampak lebih menarik berbanding

dengan komposisi simetri. Manakala komposisi yang paling popular di zaman Renaissance ialah bentuk komposisi berasaskan segi tiga. Asas komposisi ini berbentuk segi tiga daripada sudut arah tengah catan. Pada zaman Baroque komposisi *strong diagonal* menjadi pujaan seniman ketika itu. Bagi susun atur karya- karya landskap komposisi berbentuk 'S' *curve* atau dikenali juga sebagai 'Z' sering digunakan dalam mencipta karya catan. Begitu juga dengan *L shape* yang membantu dalam susun atur posisi karya yang merakam permandangan alam. *Large oval in the center of the piece* adalah teknik komposisi yang kerap digunakan untuk potret dan masih digunakan sehingga kini. Sekiranya seniman menggunakan subjek yang kecil ianya bukanlah komposisi yang baik. Contoh – contoh yang baik bagi pengamal komposisi ini adalah seperti karya catan Jasper Johns yang bertajuk *Flag, Targets & Numbers*. Matisse turut menerapkan komposisi ini contohnya seperti di dalam karya catannya yang bertajuk *Goldfish*.

Komposisi bagi *golden triangle* adalah hampir bentuk dengan *Large oval in the center of the piece*. Tetapi ianya mempunyai bentukan segi tiga yang kadang kalanya berulang-ulang seperti di dalam catan Van Gogh iaitu *The zouave* (1888). Jan Vermeer dalam karyanya bertajuk *The lacemaker* juga menggunakan *golden triangle* di dalam kebanyakan karyanya.

Di dalam sebuah karya catan komposisi adalah berbeza sama sekali jika dibandingkan dengan idea yang menjadi penceritaan di dalamnya. Tidak kira sama ada catan abstrak atau pun figuratif, ianya tetap mempunyai elemen komposisi. Kejayaan dan keberkesanan sebuah catan adalah sangat bergantung kepada komposisi. Secara keseluruhan ianya akan mencipta struktur panduan khasnya untuk tatapan pemerhati.

Catan pada dasarnya adalah sebuah karya seni yang sama seperti karya-karya seni lain, menurut kamus dewan edisi ke 4, komposisi bermaksud teknik menyusun dan menjalin sesuatu karangan atau ciptaan hingga menjadi hasil karya sastera atau seni yang sempurna. Bahagian – bahagian yang terjalin menjadi sesuatu yang lengkap, bahagian – bahagian daripada sesuatu kesatuan, jalinan bahagian- bahagian pada sesuatu keseluruhan.

Dalam penghasilan karya seni rupa komposisi adalah merupakan keharmonian secara menyeluruh pada sesebuah karya. Walau pun secara umumnya unsur – unsur seni dan elemen – elemen seni telah digunakan dengan pelbagai namun setiap karya akan mencapai ciri – ciri keunikan yang seimbang dan bersatu. Elemen-elemen komposisi adalah terdiri daripada kesatuan, keseimbangan, keharmonian, irama/rentak, kesebandingan, titik perhatian, kontra dan corak. Henri Matisse mendefinisikan bahawa komposisi adalah seni menyusun dalam bentuk elemen dekoratif bagi menluahkan apa yang ada di dalam pemikiran artis atau pelukis.




Figura 4 : Van Gogh. *Auvers-sur-Oise*.




Figura 5 : Henri Matisse. *Harmony in Red*.



Figura 6 : Henri Matisse. *The Goldfish*.

2.2 *Aturan pertiga (rule of thirds)*

Aturan pertiga adalah teknik menyusun komposisi imej atau elemen. Ianya boleh diaplikasikan pada hasil karya seni catan. Pada dasarnya komposisi *rule of thirds* atau aturan pertiga adalah membahagikan ruang yang ada pada karya menjadi kepada sembilan bahagian yang terbentuk daripada dua garisan horizontal dan dua garisan vertikal. (rujuk figura 7,8 dan 9). Manakala empat titik terhasil daripada garisan yang bertindih di antara dua garis ini di tengah-tengahnya merupakan *point of interest* atau objek utama. Aturan pertiga adalah teknik komposisi yang menempatkan aturan subjek utama (*point of interest*) ke dalam sesebuah karya. Ianya menetapkan pemilihan yang paling menarik fokus pemerhati. Melalui aturan pertiga kita akan belajar bagaimana cara yang terbaik dan menempatkan subjek agar kelihatan seimbang, teliti dan indah dipandang.

2. MASALAH KAJIAN

Berdasarkan pembentangan laporan analisis keputusan peperiksaan pelajar Jabatan Seni Halus bagi peperiksaan Mac 2015, keputusan keseluruhan bagi peperiksaan yang lepas adalah menurun jika dibandingkan dengan keputusan peperiksaan yang lalu. Hanya 1 sasaran objektif kualiti dapat dicapai oleh pelajar pada semester sebelumnya. Dalam sesi pembentangan laporan tersebut, En. Amiruddin Osman mencadangkan agar pihak Jabatan seni Halus mengenalpasti punca tidak tercapai objektif kualiti UiTM. Beliau menegaskan pihak jabatan perlu membuat strategi dengan lebih awal. (Laporan Keputusan Peperiksaan Sesi April 2015).

Laporan penilaian karya akhir pelajar pada setiap semester menunjukkan masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang lemah dalam subjek.

Kajian ini dilakukan adalah untuk membantu segelintir pelajar yang berada ditahap lemah agar mengasah pengetahuan dalam mengolah elemen dan prinsip seni , pengetahuan asas seni ini berperanan kuat terhadap kognitif dan psikomotor pelajar. Memahami dan mengeksplorasi subjek seni semuanya bermula dari asas yang stabil. Hal ini sejajar dengan asas pengetahuan elemen komposisi yang longgar sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kegagalan pelajar.

Oleh itu untuk mengetahui pendekatan aturan pertiga ini bersesuaian atau tidak, suatu kajian telah diaplikasi terhadap pelajar. Hasil karya pelajar dijadikan sampel kajian dengan menggunakan instrumen soal selidik dan diaplikasikan teknik aturan pertiga sebagaimana kajian-kajian yang sama digunakan terhadap karya – karya seni agung. Pendekatan ini diuji dan dilaksana dengan menggunakan data sebenar melalui persempelan karya pelajar di UiTM Melaka.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik dan melalui penelitian terhadap karya pelajar dan karya seni agung.

- I. Kaedah tinjauan melalui soal selidik.
- II. Kaedah penelitian menggunakan pendekatan apresiasi seni terhadap karya seni agung.

Kaedah ini turut menggunakan karya pelajar dan karya seni agung sebagai alat untuk mendapat maklumat dari segi tahap kebolehan pemahaman dan mengaplikasi.

4. DISKUSI

Elemen aturan pertiga dikaji bagi mengetahui ianya bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan pembelajaran asas dalam sesebuah komposisi. Implikasi aturan pertiga diperkenalkan sebagai salah satu kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dan bukan untuk di implementasi di dalam sektor industri.

5.1 Struktur aturan pertiga (*rule of thirds*) dan Karya catan seni agung



Figura 7: Peter Paul Ruben. *The Calydonian Boar Hunt*.




Figura 8: Hokusai. *Great Wave off Kanagawa*.




Figura 9: Jean Baptiste Simeon Chardin. *A Lean Diet with Cooking Utensils*.

Berikut merupakan komposisi karya seni catan yang lemah. Kaedah untuk mengetahui kelemahan karya ini terdiri daripada kesan pengajaran dan pemantauan secara teori dan praktikal.

4.1 *Komposisi karya seni catan yang lemah*

Analisis terhadap komposisi karya diuji menggunakan struktur ruang aturan pertiga. Kumpulan karya seni catan yang lemah diidentifikasi melalui pengamatan secara visual dan pendekatan apresiasi seni. Pendekatan yang dijalankan adalah bersandarkan teori Edmund Burke Feldman iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian.

Berikut merupakan contoh komposisi yang lemah:



Figura 10 : Contoh karya pelajar yang lemah




Figura 11 : Contoh karya pelajar yang lemah

5. KESIMPULAN

Implikasi kajian ini menunjukkan teknik aturan pertiga merupakan keperluan dan pendekatan secara praktikal. Aturan pertiga bukan sahaja teknik konvensional yang semakin kurang dipraktikkan ke dalam karya seni catan namun ianya dapat diterapkan semula dalam membantu memperkembangkan idea. Ianya boleh digunakan bagi membantu para pelajar mencipta ruang komposisi yang baik, mudah difahami dan dieksplorasi dengan lebih kreatif.

Selain daripada merangsang pengetahuan minda pelajar melalui kaedah ini ianya dapat mengurangkan statistik pelajar lemah atau gagal dalam subjek disamping mencapai objektif kualiti UiTM. Matlamat untuk melahirkan graduan atau seniman muda yang mantap dalam pengetahuan asas visual seni dapat diterapkan dengan berimpak.

Kajian ini bukan sahaja sebagai pembelajaran baru untuk memahami komposisi dalam karya seni catan malah ianya berpeluang menyumbang sebagai modul tambahan dan berpotensi memantapkan kurikulum silibus dalam Program Seni Halus. Maka implikasi lahirnya ramai artis visual yang mempunyai amalan asas aturan pertiga memberi kemudahan dan dapat menyumbang ke dalam penciptaan pelbagai karya yang kreatif dan berinovasi.

RUJUKAN

- [1] Bert P. Krages (2005). *The Art of Composition*
- [2] Bryan F. Peterson (2003). *Learning to see creatively*
- [3] Caplin, Steve (2008). *Art and Design in Photoshop*
- [4] Dewan Bahasa dan Pustaka (2009). *Kamus Dewan Edisi Ke 4*
- [5] Francoise Barbe-Gall (2011) *How to Look at a Painting*
- [6] Gooch, B., Reinhard, E., Moulding, C. and Shirley, P. (2001). *Artistic composition for image creation*, in: *Proceedings of Rendering Techniques 2001*
- [7] John A. Parks (2014). *Universal Principles of Art: 100 Key Concepts for Understanding, Analyzing, and Practicing Art*
- [8] Judge, Al (2014). *Composition & Artistic Considerations (Finely Focused Photography Books) (Volume 8)*
- [9] Laurie S. Excell (2014) *Composition: From Snapshots to Great Shots (2nd Edition)*
- [10] Meech, S. (2004). *Contemporary Quilts: Design, Surface and Stitch*. Batsford, London, UK.
- [11] Mai, L., Le, H., Niu, Y. and Liu, F. (2011). *Rule of thirds detection from photograph*, in: *Proceedings of the IEEE International Symposium on Multimedia (ISM)*
- [12] Peterson, B. (2011). *Learning to See Creatively*
- [13] Rowland, Howe (1999). *Vitruvius. Ten Books on Architecture*, with illustrations by Thomas Noble Howe
- [14] Samantha Friedman (2014). *Henri Matisse: The Cut-Outs*
- [15] Zuckerman, Jim (2000). *Capturing Drama in Nature Photography*